

07/07/2002

Najib serah kepada rakyat buat tafsiran

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, menyerahkan kepada orang ramai membuat tafsiran masing-masing mengenai kedudukan beliau dalam kepemimpinan Umno selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan dalam parti dan kerajaan menjelang Oktober tahun depan.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, beliau tidak perlu membuat ulasan lanjut kerana kenyataan Perdana Menteri dan juga timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengenai kemungkinan beliau menjadi Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri adalah jelas.

"Saya tak fikir saya perlu ulas. Kenyataan Perdana Menteri dan kenyataan Timbalan Perdana Menteri sudah jelas, cukuplah," katanya kepada pemberita selepas memeriksa Perbarisan Jubli Emas Maktab Tentera Diraja, di Kem Sungai Besi, di sini semalam.

Beliau diminta mengulas penjelasan Dr Mahathir kelmarin mengenai kenyataan beliau Rabu lalu yang membayangkan Najib akan menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas peralihan kuasa pada Oktober tahun depan.

Perdana Menteri yang turut menyatakan beliau tidak membantah jika Najib dipilih, berkata pada masa itu beliau cuma membayangkan kemungkinan Najib boleh menjadi timbalan Abdullah selepas beliau melepaskan jawatan tetapi perkara itu terpulang kepada Abdullah untuk membuat pilihan.

"Terpulanglah kepada Abdullah hendak membentuk kerajaannya, pilih dia punya Kabinet," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan upacara peletakan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Paya Kemunting, di Jitra, kelmarin.

Dr Mahathir, pada majlis perjumpaan dengan Jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu, Rabu lalu dilaporkan berkata: "Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Abdullah) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan untuk mendapat jawatan itu."

Kenyataan Dr Mahathir itu dilihat banyak pihak, khususnya dalam Umno, sebagai pengiktirafan kepada Najib untuk menjadi Timbalan kepada Abdullah kelak.

Mengikut tradisi Umno, seorang daripada tiga Naib Presiden akan dilantik memangku jawatan Timbalan Presiden apabila berlaku kekosongan. Timbalan Presiden Umno juga secara tradisi akan menjadi Timbalan perdana Menteri.

Selain Najib, dua lagi Naib Presiden Umno ialah Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwah Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Sementara itu, Abdullah kelmarin meminta semua pihak supaya tidak menghebohkan persoalan siapa yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas peralihan kuasa pucuk pemimpin negara pada Oktober tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, meskipun keputusan itu nanti mesti dibuat, masa belum tiba lagi kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Saya ingat isu ini tak perlu dihebohkan pada waktu ini kerana kita perlu bekerjasama seterusnya dan untuk saya mengambil alih sebagai pemimpin parti dan kerajaan pun mengambil masa 16 bulan lagi," katanya, katanya selepas dikunjungi Menteri Pembinaan dan Pengangkutan Korea Selatan, Lim In-Taik, di Putrajaya kelmarin.